

Pertubuhan pelajar Islam puji kesediaan PM

KUALA LUMPUR, 7 Mei — Sebuah pertubuhan pelajar Islam memuji kesediaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bersama-sama Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dalam Majlis Syarahan Perdana Mengenai Palestin di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, malam esok.

Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Khairul Arifin Mohd. Munir dalam kenyataannya hari ini berkata, kesediaan Perdana Menteri dan Fadzil itu membuktikan pemimpin negara ini sentiasa peka terhadap isu melibatkan masa depan umat Islam.

Menurut beliau, kesediaan kedua-dua pemimpin itu membawa petanda baik kepada

kesatuan ummah dan kematangan berpolitik pemimpin negara dalam hal-hal melibatkan nasib Islam walaupun mempunyai fahaman dan ideologi politik berbeza.

“Masyarakat perlu melihat perkembangan ini sebagai ketelusan pemimpin kita untuk duduk di atas satu platform bagi membincangkan isu masa depan umat Islam,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kesediaan Perdana Menteri untuk tampil bersama Presiden Pas itu dalam Majlis Syarahan Perdana bertajuk ‘Palestin dan Kemanusiaan’ anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dengan kerjasama DBP.